

Lampiran A

Komunikasi Persendiriam

September 27, 2012

En.G.Sivapalan

Pensyarah Kanan

Jabatan Pengajian India

Fakulti Sastera dan Sains Sosial

Universiti Malaya

50603 Kuala Lumpur

03-79675635

gsiva.palan@um.edu.my

KAJIAN TERHADAP KESUSASTERAAN TAMILKLASIK

- I. Apakah pandangan Encik terhadap kajian terhadap kesusasteraan Tamil klasik?
Pada pandangan saya kajian terhadap kesusasteraan Tamil merupakan satu proses pencarian khazanah yang semakin hilang.
- II. Bagaimanakah kajian terhadap kesusasteran Tamil diadakan?
Kajian terhadap kesusasteraan Tamil diadakan dalam bentuk sehala yang lebih memberikan tumpuan kepada ulasan-ulasan awal dan pengumpulan data.
- III. Adakah kajian terhadap pendedahan elemen berfikir yang terkandung dalam kesusasteraan Tamil klasik itu penting kepada generasi ?
Ya sangat penting. Kajian sebegini dapat mendedahkan budaya masyarakat Tamil yang sebenar, kepada generasi muda yang mudah dipengaruhi oleh budaya asing.
- IV. Adakah Encik bersetuju bahawa pendedahan bahan kesusasteraan kepada generasi baru dapat mengurangkan gejala sosial?
Pendedahan ilmu kesusasteraan dapat mendedahkan nilai-nilai moral dan falsafah yang dipraktikkan oleh masyarakat Tamil awal yang berkemungkinan masih relevan hari ini.
- V. Apakah kesignifikan kesusasteraan Tamil klasik kepada masyarakat dunia?
Kesusasteraan Tamil klasik merupakan suatu warisan universal kerana ianya memaparkan nilai-nilai kemanusian sejagat yang dapat kita praktikkan dalam kehidupan seharian.

Lampiran B

Jenis-Jenis Pemikiran

| | |
|------------------------------|--|
| Pemikiran Analitikal | Pemikiran analitikal adalah bersifat logik dan konvergen iaitu, mengecilkan fokus dan dengan itu satu keadaan yang kompleks dapat dicernakan menjadi komponen-komponen kecil yang mudah difahami. Melalui aktiviti analitik, seseorang dapat memahami sesuatu perkara dan peristiwa yang telah berlaku, membuat ramalan dan dapat membuat perancangan untuk mengawal keadaan. |
| Pemikiran Kritikal | Istilah kritikal berasal daripada istilah Latin yang berbunyi ‘ <i>kritikos</i> ’ yang membawa maksud ‘ <i>judge</i> ’. Pemikiran kritikal dapat menghindari kesilapan, kekeliruan dan andaian-andaian yang salah. Melalui cara ini kelemahan dapat dikenalpasti, diasingkan dan dapat dibuang. Walaupun pemikiran kritikal ini banyak berpusat kepada argumen untuk memperbaiki idea yang sedia ada tetapi menghalang pertumbuhan idea baru. Dewasa ini, pemikiran kritikal menjurus kepada kritikan negatif bagi mencari kesalahan atau kelemahan dengan cara cemuhan, serangan dan kutukan. |
| Pemikiran Reaktif | Pemikiran reaktif memerlukan sesuatu desakan, kejadian, idea atau usul untuk mula berfikir tentang sesuatu perkara. Jika tidak individu tersebut tidak akan berfikir. Pemikiran reaktif mengabungkan pemikiran analitik dan pemikiran kritikal. |
| Pemikiran Historis | Pemikiran historis dikenali sebagai pemikiran sejarah yang mementingkan sebab dan akibat. Pemikiran jenis ini membolehkan seseorang melihat semula peristiwa lalu dan maklumat lepas supaya dapat mencari ilham bagi menyelesaikan sebarang masalah yang sedang berlaku kini. Pemikiran jenis ini adalah untuk mengetahui faktor-faktor kegagalan dan kesukaran yang dihadapi supaya kesilapan sama tidak diulangi. |
| Pemikiran Teknikal | Pemikiran teknikal dikenali sebagai pemikiran reka cipta yang bersifat kreatif, produktif dan projektfif. Pemikiran teknikal bersifat kreatif, produktif dan projektfif yang menghendaki seseorang melakukan pelbagai perkara semata-mata untuk menyelesaikan masalah tanpa mempedulikan punca bagi masalah tersebut. |
| Pemikiran Hipotetikal | Pemikiran hipotetikal berfungsi menyusun dan menggunakan maklumat dengan cara baru. Hipotesis ialah ramalan yang munasabah yang dikaitkan dengan kemungkinan. |
| Pemikiran Projektif | Pemikiran projektif ialah pemikiran yang digunakan untuk meramal masa depan. Seseorang dikehendaki berfikir jauh ke hadapan dan mempunyai wawasan tersendiri bagi mengelakkan sebarang kesilapan dalam proses membuat keputusan. Selain mempunyai daya imaginasi yang tajam, seseorang perlu mempunyai maklumat yang tepat untuk membuat andaian yang tepat dan berkesan. |

| | |
|------------------------------|---|
| Pemikiran Proaktif | Pemikiran proaktif merupakan pemikiran yang membolehkan seseorang berfikir sebelum sesuatu peristiwa berlaku. Pemikir pemikiran proaktif tidak akan menanti sesuatu perkara terjadi terlebih dahulu bagi merangsang otaknya berfikir. Pemikiran Proaktif memerlukan daya imaginasi yang tajam disamping berfikir secara logik untuk mentafsir maklumat secara betul dan tepat. |
| Pemikiran Kreatif | Pemikiran kreatif ialah keupayaan menjana idea-idea baru yang melibatkan keupayaan minda untuk memberi beberapa alternatif yang tidak terkongkong kepada kebiasaan. Pemikiran kreatif merujuk kepada keupayaan melihat sesuatu peristiwa dan maklumat daripada pelbagai sudut untuk menerbitkan persepsi, konsep, idea, teori, hipotesis dan sebagainya. Pemikiran jenis ini bersifat positif, membina dan bukan menghapuskan idea. |
| Pemikiran Konstruktif | Pemikiran konstruktif dikenali sebagai gaya pemikiran membina kerana ia membabitkan usaha-usaha untuk membangunkan sesuatu secara positif bagi memperbaiki kelemahan-kelemahan sesuatu idea. Pemikiran konstruktif megemukakan cadangan-cadangan konkrit, bukti-bukti tambahan dan mencari jalan penyelesaian bagi memperbaiki sesuatu idea. |
| Pemikiran Sistematik | Pemikiran sistematik bercirikan pemikiran tersusun dengan memikirkan objektif, perkara yang perlu didahulukan dan dikemudiankan, matlamat, kriteria dan sebagainya. Pemikir sistematik mencari hujah berupa fakta, bukti, contoh dan alasan yang logik dan tidak mencampuradukan perkara-perkara yang diingatinya. |
| Pemikiran Pragmatik | Pemikiran pragmatik mengutamakan perkara-perkara yang dibuat daripada perkara-perkara yang ideal yang bersesuaian dengan keadaan dan situasi dan cenderung untuk melihat hasil diperoleh dalam masa yang singkat. Pemikiran jenis ini sentiasa mengamalkan sikap waspada dan mengambil kira segala kemungkinan yang boleh berlaku dalam konteks keadaan sebenar. |
| Pemikiran Positif | Pemikiran positif ialah pemikiran yang melihat semua perkara dari sudut yang baik, berguna dan menguntungkan walaupun perkara tersebut mempunyai kelemahan ataupun keburukan. Pemikir positif yang mengalami kegagalan tidak akan berputus asa, tetapi bertekad untuk mencari jalan lain untuk kejayaan. Pemikiran positif berminat terhadap apa yang berlaku pada masa hadapan berbanding dengan perkara yang telah berlaku. |
| Pemikiran Negatif | Pemikiran negatif adalah satu jenis pemikiran vertikal yang menerbitkan penilaian dan keputusan. Pemikiran negatif bertentangan dengan pemikiran positif. Pemikiran negatif mempunyai matlamat untuk melihat keburukan, bahaya, risiko dan masalah dalam setiap perkara. Pemikir negatif sentiasa mengamalkan sikap konservatif, berhati-hati dan berwaspada supaya dapat mengelakkan bahaya dan kerugian. |

| | |
|---------------------------|--|
| Pemikiran Nilai | Pemikiran nilai berasaskan pegangan agama, moral dan adat yang dipegang oleh sekumpulan masyarakat. Pandangan dan keputusan yang dibuat berasaskan nilai baik dan nilai buruk berdasarkan nilai kemanusiaan yang boleh mempengaruhi keputusan. |
| Pemikiran Emotif | Pemikiran emotif terbahagi kepada pemikiran positif dan pemikiran negatif yang berasaskan emosi atau perasaan. Setiap keputusan yang dibuat bersifat humanistik dan sensitif dengan situasi dan perasaan orang lain. |
| Pemikiran Intuitif | Pemikiran intuitif ialah penaksiran serta merta minda terhadap sesuatu objek tanpa melibatkan sebarang proses pemberian alasan. Pemikiran jenis ini dapat dilihat dalam bidang falsafah dan psikologi. Dalam bidang falsafah, intuitif merujuk kepada tindakan minda melihat persetujuan dan tidak terhadap dua idea kerana kenyataan pernyataan adalah diketahui serta merta sebaik sahaja idea tersebut disebarluaskan. Dalam bidang psikologi pula, intuitif merangkumi keupayaan untuk membuat keputusan dan menyelesaikan masalah kerana Pemikiran intuitif merupakan proses pemandanan corak yang paling cepat untuk mencadangkan tindakan yang munasabah. |
| Pemikiran Objektif | Pemikiran objektif ditandai oleh daya usaha untuk mendapatkan maklumat dan fakta semata-mata tanpa terpengaruh dengan unsur emosi, prasangka, cita rasa dan nilai. Maklumat yang diperolehi adalah berdasarkan fakta yang tepat untuk mendapatkan keputusan yang bermutu. Pemikir objektif, berfikir secara logik tanpa mengemukakan sebarang cadangan, idea, kritikan atau penilaian. |
| Pemikiran Logikal | Istilah logik berasal daripada bahasa Greek, iaitu, ' <i>logos</i> ' yang membawa maksud idea, pemikiran, hujah, alasan atau prinsip. Pemikiran logikal merujuk kepada kebenaran sesuatu kenyataan atau gagasan pemikiran dan merupakan satu set peraturan yang mengkaji sesuatu perkara dari segi betul dan salahnya. Pemikiran logikal dikatakan berasaskan kepada elemen alasan, yang akhirnya sampai satu ketetapan dan menunjukkan kemampuan dan kebolehan menerangkan sesuatu dengan jelas, teratur dan sistematik. |
| Pemikiran Lateral | Istilah Pemikiran lateral dicipta oleh Edward de Bono. Pemikiran lateral merupakan satu kaedah berfikir yang berkaitan dengan perubahan konsep atau persepsi. Ia merupakan suatu cara yang membiarkan fikiran mempertimbangkan idea dengan menggunakan pendekatan yang tidak lazim atau tidak masuk akal. Oleh itu, teknik yang digunakan untuk mengaplikasikannya ke atas masalah boleh dicirikan dengan mengubah corak pemikiran daripada yang boleh dijangka kepada idea baharu atau luar biasa. Matlamat pemikiran ini ialah menerbitkan perubahan daripada konsep lama ke konsep baru yang bersifat generatif. |

| | |
|----------------------------|--|
| Pemikiran Vertikal | Pemikiran vertikal dikenali sebagai pemikiran judgemental yang merujuk kepada operasi mental yang bergerak dari konsep ars rendah ke aras tinggi. Pemikiran vertikal bersifat selektif iaitu, mencari jawapan yang betul dengan menggunakan sejenis kaedah sahaja. Cara befabrikir vertikal bergerak pada satu garis iaitu, dari tahap logikal sehingga tamat pada tahap akhir secara berstruktur. Jenis Pemikiran vertikal disebut sebagai teknik berfabrikir logikal cara Barat. |
| Pemikiran Paralel | Pemikiran paralel dipeloporkan oleh Edward de Bono. Pemikiran jenis ini menggunakan kaedah ‘six hats’ yang mana terdapat enam topi setiap satunya berlainan warna dan berfabrikir menggunakan mod yang dilambangkan oleh setiap topi. Pemikiran Paralel bermaksud berfabrikir secara selari, sistematik dan teratur. Setiap idea yang berlainan diterima dan diletakkan selari antara satu sama lain. Ianya tidak dinilaikan, dipertikaikan, dibandingkan atau dibuktikan benar atau salah. Pemikiran paralel ini mencari kelebihan setiap satu idea yang diperturunkan. |
| Pemikiran Konvergen | Pemikiran konvergen ialah pemikiran yang mencari jawapan dengan menggunakan ilmu logik. Pemikiran konvergen akan membolehkan kita melihat secara fokus, mendalam, spesifik, melihat eleman-eleman dalaman, hubungkait antaranya, butir-butir terperinci dan hasilnya ialah maklumat yang terperinci dan tersusun. |
| Pemikiran Divergen | Pemikiran Divergen menggunakan otak kanan iaitu, menggunakan unsur intuisi dalam menyelesaikan masalah terbuka yang tidak mempunyai jawapan tepat. Pemikiran divergent membolehkan penerokaan, imaginasi dan kreativiti serta membolehkan kita melihat dalam skop yang luas iaitu, hubungkait antara internal dan dunia ekternal. |
| Pemikiran Refleksif | Pemikiran refeksi muncul berhadapan dengan situasi yang membingungkan atau menghadapi masalah dan meliputi lima tahap iaitu, antara tahap pra reflektif kepada tahap reflektif. Pemikir refleksif dapat membuat refleksi terhadap apa yang telah dipelajari dan dilalui sebagai pengalaman dengan melibatkan domain kognitif dan metakognitif secara berkesan. |
| Pemikiran Saintifik | Pemikiran saintifik berkisar tentang formulasi dan perbincangan soalan, pemerhatian, data yang dikumpul, hipotesis, uji kaji dan teori. Pemikiran saintifik memerlukan seseorang berfabrikir secara objektif menggunakan fakta, bukti dan hujah yang relevan dan signifikan tentang perkara yang dibincangkan. |

(Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 1995: 58-115, Maimunah Osman, 2004:32-61, Kamarudin Husin, 2003: 19-51, Nasruddin Yunus, 2012: 29-43, dan Munir Shuib & Azlena Zainal, 2003:31-51).

Lampiran C

Teori-Teori Sastera

| | |
|------------------------------|---|
| Pendekatan Moral | Pendekatan moral menjadikan sastera sebagai alat untuk membina sahsiah manusia. Sesuatu karya sastera harus disanjungi kerana terdapat aspek-aspek pemikiran dan falsafah yang memberi panduan kepada pembaca untuk meninggikan tamadun mereka, menjadi tulang belakang karya tersebut. Pendekatan moral mementingkan isi daripada bentuk dan menganalisis sastera dari sudut didaktis. |
| Pendekatan Historikal | Karya-karya sastera tidak dapat dielakkan dengan unsur-unsur sejarah. Pendekatan historikal bukan sahaja mencari sudut-sudut perkaryaan sejarah tetapi juga menilai semula unsur-unsur sejarah berkenaan akan kepentingannya. Ia juga memperlihatkan hubungan karya dengan aspek budaya ideologi-ideologi yang mempengaruhi dan membentuk sejarah manusia. Pendekatan historikal memberikan tempat yang stimewa kepada kekuatan sesuatu zaamn dan ia harus difahami dalam konteks zaman itu sahaja sambil membuka pintunya supaya karya tersebut dapat diteliti dari berbagai-bagai zaman. |
| Pendekatan Sosiologi | Pendekatan sosiologi mendekati sastera dengan melihat aspek luaran, seperti masyarakat, kepengarangan dan aspek ekstrinsik. Pendekatan sosiologikal melihat sastera sebagai cermin masyarakat, terutama mengenai perkembangan ekonomi, teknologi, dan hubungan kelas serta menekankan aspek perwatakan. Oleh kerana pendekatan sosiologikal menekankan aspek-aspek ajaran sosial, tugas penganalisis ialah melihat sejauhmanakah apek-aspek ajaran tersebut memberikan kesan kepada keseluruhan nilai kepada karyanya. Pendekatan jenis ini memberi penekanan kepada hubungan erat di antara karya dengan kepentingan masyarakat. |
| Pendekatan Psikologi | Pendekatan psikologi digelar sebagai pendekatan kejiwaan yang menyelusuri kesedaran dalam diri setiap watak yang dicipta oleh seseorang pengarang. Pendekatan psikologi beranggapan hasil kesusteraan lahir dari keadaan manusia separuh sedar (<i>subconscious</i>) yang boleh menyedia dan melahirkan hasil karya. Pendekatan ini memerhatikan dengan teliti proses penciptaan dan kedalaman watak-watak yang disorot dari dimensi kejiwaan dan juga daripada aspek makna, pemikiran dan falsafah karya itu secara keseluruhan. |
| Teori Semiotik | Teori semiotik merupakan sebuah teori kritikan pascamoden yang memahami karya sastera melalui tanda-tanda yang ditemui di dalam teks. Pendekatan semiotik melihat sesebuah karya sastera sebagai suatu sistem, di mana sistem itu berurusan dengan hal teknik dan mekanisme penciptaan di samping mengkhususkan penelitiannya dari sudut ekspresi dan komunikasi. Semiotik meliputi bidang yang luas iaitu, sistem bahasa kedaerahan, tingkahlaku, pakaian, ukiran dan gambar. Falsafah semiotik terbina atas kepercayaan bahawa setiap bentuk kehidupan manusia ini adalah terlalu kaya dengan perlumbangan. |

| | |
|-------------------------------|--|
| Teori Intertekstualiti | Teori intertekstualiti memperlihatkan hubungan antara teks dengan teks yang lain dan memerlukan seseorang itu luas pengalaman dan banyak bacaan. Teori ini membantu untuk mencari makna dan siknifikasi teks yang kadang-kadang tersembunyi dan tidak diucapkan pengarang. |
| Teori New Historisme | Teori <i>new historisme</i> adalah teori yang mengkaji sastera dengan kaca mata sejarah yang baru. Pendekatan <i>new historisme</i> memberi penekanan kepada sudut sosiobudaya dan berhasrat mengembalikan makna kepada teks. Teori <i>New historisme</i> percaya dengan kombinasi sejarah sosiobudaya akan memudahkan khalayak menanggap makna dan siknifikasi teks. Kelahiran teori <i>new historisme</i> adalah hasil daripada kemunculan teks-teks pascamoden. Tegasnya membaca teks dengan menggunakan teori ini adalah suatu usaha pembacaan aktif terhadap pencarian ideologi pengarang bagi menentukan kesederian pengarang. |
| Teori Budaya | Teori budaya (<i>cultural studies theory</i>) adalah teori yang berkembang selepas daripada kehadiran teori historisme baru. Teori budaya menggalanisi dari segi kehidupan politik, ekonomi dan sosial masyarakat dengan melihat hubungan antara teks, pengarang dan pembaca. Teori ini luas skopnya kerana cuba memberi kesedaran budaya dalam membentuk kehidupan. Teori budaya mengkaji teks-teks sastera daripada sudut budaya dan hubungannya dengan budaya material, budaya sosial dan kekuasaan serta kesannnya kepada manusia seluruhnya. |
| Teori Teksdealisme | Teori teksdealisme berfalsafah bahawa setiap pengarang itu mempunyai hasrat untuk mencapai keunggulan dengan mempunyai sifat keberanian dan kebijaksanaan supaya dapat meletakkan teksnya mencapai suatu tahap keunggulan. Teori ini berasaskan dua prinsip iaitu, kehadiran dan perlanggaran yang berlaku dalam proses mengarang, kepada teks yang dihasilkan dan kepada khalayak yang menikmati teks tersebut. |

Diubah suai daripada Mana Sikana, (2003:93-192 dan 2003:384-404)

Lampiran D

LATAR BELAKANG PROFESOR EMERITUS DATO' DR. MOHD.YUSOF HASAN

Mohd Yusof Hasan dilahirkan pada 20 Januari 1940, di Hosba, Kubang Pasu, Jitra, Kedah. Ia mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Hosba dan pendidikan menengah di Sekolah St. Michael (Swasta), Alor Setar. Dengan kelulusan *Lower Certificate of Education (LCE)* dan *Sijil Perguruan (Cert. Ed)* di Pusat Latihan Harian (*Day Training Centre*), Alor Setar, ia terlibat dalam dunia pendidikan dan perguruan selama lebih 50 tahun. Ia bermula dengan menjadi guru sekolah rendah seperti di Sek. Keb. Tunku Bendahara, Kodiang; Sek. Keb. Jitra; Sek Keb. Pendang dan Sek. Keb. Tunjang mulai tahun 1960.

Pada tahun 1968/69, ia melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya, Kuala Lumpur dengan melalui kelulusan MCE dan HSC secara persendirian. Ia memperolehi Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) B.A. (Hons) dalam bidang Pengajian Melayu. Latihan ilmiahnya bertajuk “Novel-novel Shannon Ahmad: Kajian dari sudut Psikologi”. Ia juga lulus Diploma Pendidikan (*Dip.Ed*) di universiti yang sama. Selepas itu, mulai 1971 ia pulang ke Kedah dan mengajar di Sek. Men. Air Hitam, Sek. Men. Pulau Nyior dan Sek. Men. Dato’ Syed Omar. Pada tahun 1972, ia menyambung pengajian ke Universiti Sains Malaysia untuk mendapat Ijazah Sarjana (M.A) dengan menjadi tutor secara sambilan. Pada tahun 1977, ia menjadi pensyarah Kesusteraan Moden di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. Tesis MAnya bertajuk “Bahasa Daerah Dalam Karya Shahnon Ahmad”. Seterusnya pada tahun 1981, ia mendapat Biasiswa Staf Akademik USM untuk melanjutkan pelajaran di

Australian National University (ANU), Canberra dan tamat pada tahun 1984. Tesisnya bertajuk “*Novels of the Troubled Years: Works of Shahnon Ahmad 1965-1978*”.

Mohd Yusof menjawat jawatan Profesor Madya di Sekolah Bahasa dan Pemikiran Saintifik, Universiti Utara Malaysia, sekembalinya dari Australia. Ia juga dilantik sebagai Timbalan Dekan dan seterusnya Dekan Sekolah berkenaan. Di UUM, Mohd. Yusof berjaya membentuk modul atau teori awal tentang Epistemologi, Pemikiran, Etika dan Psikologi sebagai kursus wajib bidang Pendidikan dan Pengurusan. Ia pernah dilantik sebagai Profesor dalam bidang Pemikiran dan juga menjawat jawatan Pengarah, Penerbit Universiti.

Semasa di UUM, ia telah mengambil cuti sabatikal dan membuat penyelidikan bertajuk “Novel Negara Brunei Darussalam 1940-1992: Suatu Analisis Kritis Intrinsik-Ekstrinsik” di Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada tahun 1992. Ia juga terlibat dalam pengendalian kursus-kursus Pemikiran dan Jesusasteraan secara sambilan selama empat tahun di Universiti Malaysia Sabah (UMS) - sekitar tahun 1998-2000. Mulai tahun 2002, Mohd Yusof berpindah ke Universiti Pendidikan Sultan Idris menjawat jawatan Profesor bidang Pemikiran dan Etika di Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia dan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan. Di sini juga, ia pernah menjawat jawatan Pengarah, Pusat Pengajian Siswazah, dan Felo Penyelidik Kanan di Pusat Pendidikan Global Aminuddin Baki dan di Institut Peradaban Melayu.

Mohd. Yusof Hasan pernah menjadi perunding dalam bidang-bidang Jesusasteraan, Pemikiran dan Etika sebagai Pemeriksa Luar tesis pascasiswazah dan penilai kenaikan pangkat Profesor bagi Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains

Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi Petronas, Universiti Teknologi Malaysia, Open University Malaysia dan Australian National University. Di samping itu, ia menghasilkan lebih dari 200 kertas kerja dan artikel dalam bidang Kesusasteraan, Pemikiran dan Etika Pengurusan.

Buku-bukunya ialah seperti *Novels of the Troubled Years* (1989), *Pengenalan Fiksyen Dunia* (1990), *Dunia Melayu* (1990), *Tiga Dunia* (penyusun, 1990), *Pengabdian* (penyusun, 1990), *Kaedah Pengajaran di Universiti* (1992), *Takah Demi Takah* (penyusun, 1994), *Penghayatan Fiksyen Melayu* (1995), *Sasterawan Negara Shahnon Ahmad* (1995), *Koleksi Terpilih Shahnon Ahmad* (1995), *Novel Negara Brunei Darussalam 1940-1992: Suatu Analisis Kritis Intrinsik-Ekstrinsik* (1998), *Sistem Pemikiran Bersepadu 4L* (2000), *Pembinaan Paradigma Pemikiran Peradaban Melayu* (2004), *Islam Hadhari Menangani Gelombang Globalisasi* (2007), *Teori Pendidikan Pemikiran Global* (2006), *Pemikiran Mahathir Mohamad: Kesinambungan Gelombang Keintelektualisme Melayu Global Dari Munshi Abdullah Dan Za'ba* (2008), *Pemikiran Global Sasterawan Negara Shahnon Ahmad* (2009), *Wajah Insan Bitara* (2010), *Minda Melayu Global* (penyusun, 2012), *Pemikiran Global II Sasterawan Negara Malaysia* (2012), dan *Ikhtibar Dari Dubai* (2012). Kini sedang menyusun buku *Pemikiran Kesusasteraan Global* dan *50 Tahun Dalam Pendidikan: Antara Kerjaya Dan Karya*.

Ia dianugerahi darjah-darjah BKM (1986), AMK (1998), dan DSDK (2000) dan Tokoh Guru Kedah (1998) oleh Kerajaan Negeri Kedah dan AMN (1999) oleh Kerajaan Malaysia. Pada tahun 1999, ia memperolehi jawatan Profesor dalam bidang Pemikiran, satu-satunya bidang baharu di Malaysia dari Universiti Utara Malaysia dan ia mendapat anugerah gelaran Profesor Emeritus yang pertama dari Universiti Pendidikan Sultan Idris

pada tahun 2009. Profesor Emeritus Dato' Dr. Mohd. Yusof Hasan pernah menjadi Felo Penyelidik Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya dan Karyawan Tamu, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kini ia menjadi Penyelidik di Muzium Pendidikan Nasional, Universiti Pendidikan Sultan Idris bagi menyelenggarakan kajian tentang tokoh-tokoh pendidikan tanah air. Kajian-kajian dalam tahun 2014/2015 ialah *Shaari Isa: Ikon Pendidikan Malaysia*, *Awang Had Salleh: Legenda Pendidikan Global Malaysia* dan *Sasterawan Negara Shahnon Ahmad: Biografi Dari Desa ke Persada Antarabangsa*.

Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusof Hasan

Felo Penyelidik

Muzium Pendidikan Nasional

Universiti Pendidikan Sultan Idris

05-4506680 / 012-563 2216


Lampiran E

Alat-Alat Muzik Masyarakat Tamil Awal


a. Alat Muzik Gendang



Muracu




Akuļi



Pampai




Ellari




Itakkai



Mulavu




Parai




Taṇnumai


b. Alat Muzik Tuipan dan Geselan




Periyāl




Ciriyāl



Vilyāl




Tūmpu




Vayir



Cañku




Nātasvaram



Kulal

Lampiran F

Alat-Alat Perhiasan Kaum Wanita Masyarakat Tamil Awal



Lampiran G

a. Seminar dan Kertas Persidangan Dalam Tahun Pengajian

| Tarik | Seminar | Tajuk Pembentangan | Penerbitan |
|---------------------|--|---|--|
| 10-12 Ogos 2012 | International Conference on Muruga Bakhti 2012, University Malaya, Kuala Lumpur. | <i>Cañka ilakkiyam kāṭṭum murukan cintanai</i> | Jurnal Pengajian India |
| 07-08 December 2012 | International Mu.Va Centennial Conference 2012, Kinta Riverfront Hotel, Ipoh, Perak. | <i>Dr.mu.Varatarācanār kāṭṭum camutāya vālviyal cintanaikal: Karittuṇṭu nāval oru kaṇṇōṭṭam</i> | Buku Peringatan Dr.Mu.Va |
| 10-12 Mei 2013 | International Conference on Siddha and Ayurvedic Traditions 2013, Global Organisation of People of Indian Origin and GOPIO, Universiti Malaya. | Flowers in <i>Kurinchipattu</i> and their Siddha medicinal values. | Journal of Indian Studies |
| 03-05 June 2013 | 10TH World Tamil Teachers' Conference (10th WTTC), Pearl Point Hotel, Kuala Lumpur. | <i>Ilakkiya kūrukalin vali uyarnilai cintanaiyaip pōttital</i> | Proceedings of The Conference |
| 11-13 Julai 2013 | International Conference on Siddha Principles 2013, Sri Shankara Arts And Science Collage, Kanchipuram , India. | <i>Cañka ilakkiyamum cittarkalum kāṭṭum tamilar irai neri</i> | <i>Cittar nerikal</i> (Bab dalam buku) |
| 7-8 September 2013 | Seminar Penyelidikan Siswazah UniSZA 2013 di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Kuala Terengganu. | Tema dan Persoalan dalam puisi-puisi Tamil Klasik | Buku Bertema Persidangan Pendidikan UniZa 2013 |
| 28-29 Mei 2014 | Second International Conference on Research in Tamil Education 2014, Coral Bay Resort, Pangkor Island, Perak | <i>Cañka ilakkiyamum āru toppikalum</i> | Buku Persidangan |

| | | | |
|----------------------|---|--|---|
| 25-26 September 2014 | International Conference on Applied Tamil Literature and Documentation 2014, Sri Shankara Arts And Science Collage, Kanchipuram, India. | <i>Etvart̄ ti pōñō pārvaiyil cañka ilakkiya payanpātu</i> | <i>Payanpāttiyal pārvaiyil tamīlilakkīyan kałum āvanañkałum</i> |
| 29- 31 Jan 2015 | The 9 th International Conference- Seminar On Tamil Studies, University Malaya, Kuala Lumpur. | (<i>Etvart̄ ti pōñō āru ceyal kālañikal cintānaip pārvaiyil cañka ilakkiyap payanpātu</i>) | Dalam penerbitan |
| 26 Julai 2015 | International Seminar On Early Tamil Culture 2015, University Malaya, Kuala Lumpur | <i>Cañka ilakkiyamum āru kālañikalum</i> | Dalam Penerbitan |

b. Artikel yang sudah diterbitkan

1. Seiva Subramaniam, R. 2014. “The concept of culture: From the perspective of the western masters, local and tamil” In Journal of Indian Studies JOIS. Vol 1. (Pp, 37-44). Kuala Lumpur: Department of Indian Studies, Universiti Malaya. ISSN: 2289-7194.
2. Seiva Subramaniam, R. 2015. “Ilakkiya āyvu nerī - ḍarimukam” In Journal of Tamil Peraivu. Vol 1. (Pp, 79-86). Kuala Lumpur: Department of Indian Studies, Universiti Malaya. ISSN: 2289-8379.
3. 8) Seiva Subramaniam, R. 2013. “Flowers in kurinchippattu and their siddha medicinal values” In Journal of Indian Studies, Special Issues: Article on Siddha & Ayurveda Tradition. Pp, (55-58). Kuala Lumpur: Department of Indian Studies, Universiti Malaya. ISSN: 1675-171x

c. Artikel dalam proses penerbitan

1. The Concept of Music in *Sangam* Literature (Buku Peringatan 100 Tahun Profesor DR.Xavier Thaninayagam versi Bahasa Inggeris)
2. *Oruñkiñaiikkappaṭta nāñku cintānai tirāñkal kōtpātu: Ilakkiya āyvu nerī ḍarimukam* (Buku Peringatan 100 Tahun Profesor DR Thaninayagam versi Bahasa Tamil).
3. *Cañka ilakkiyamum āru kālañikalum* In Journal of Tamil Peraivu. Kuala Lumpur: Department of Indian Studies, Universiti Malaya.

d. Kursus-kursus yang diikuti semasa tahun pengajian

| Tarikh | Nama Kursus | Anjuran |
|------------------------|--|--|
| 16.5.2012 6.6. 2012 | Pendeta Web Public Access Catalogue (WebPAC) dan EndNote Reference Management Software | Perpustakaan Universiti Malaya |
| 30.8.2012 | How to write Phd thesis | Institute of Graduate Studies University of Malaya |
| 19.09.2012 | Journal Publication Workshop | Institute of Graduate Studies University of Malaya |
| 13.12.2012 | Wiley Online Library | Perpustakaan Universiti Malaya |
| 7-11 Januari 2013 | Metodogi Penyelidikan | Fakulti Sastera dan Sains Sosial |
| 24.4.2013 | How to get your article accepted in ISI Journals Seminar | Institute of Graduate Studies University of Malaya |
| 13.5. 2013 | How to write review paper | Sudent Development & Writing Unit, Institute of Graduate Studies University of Malaya. |
| 22.11 2013 | PROQUEST Databases Training | Perpustakaan Universiti Malaya |
| 3-5 Januari 2014. | PHD Boot Camp | Institute of Graduate Studies University of Malaya |